

22 OCT 1999

Guru-Hasut

GURU DI SARAWAK TIDAK HASUT PELAJAR, KATA KESATUAN

KUCHING, 22 Okt (Bernama) -- Kesatuan Guru-guru Sarawak tidak menerima sebarang aduan mengenai guru-guru menghasut pelajar supaya menentang kerajaan atau pemimpin negara, kata presidennya William Ghani Bina hari ini.

Beliau berkata, kesatuan yang terbesar di Malaysia Timur itu dengan 14,000 anggota di seluruh negeri sentiasa menjaga hubungan baik khasnya dengan Kerajaan Negeri.

Buat masa ini kesatuan itu juga merupakan kesatuan gabungan kedua terbesar dalam Cuepacs, iaitu badan induk kesatuan-kesatuan sektor awam di negara ini.

"Saya pasti yang anggota-anggota kita tidak akan tersasar kerana telah menjadi amalan kita untuk menyokong dasar-dasar kerajaan," kata Ghani Bina dalam persidangan berita di sini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, di Jitra yang sekumpulan guru di negara ini menghasut pelajar-pelajar untuk menentang kerajaan.

Beliau berkata, hasutan guru-guru itu merosakkan masa depan pelajar kerana nanti mereka lebih mementingkan politik daripada menimba ilmu.

Ghani Bina berkata adalah tidak adil bagi guru-guru dan pensyarah membincangkan politik parti untuk memengaruhi penuntut mereka kerana kempen seperti itu tidak selaras dengan profesion perguruan.

Beliau menyeru lebih 25,000 guru di Sarawak supaya mengamalkan "politik rakyat" dengan berdaftar sebagai pengundi.

Ibu bapa juga perlu memantau aktiviti ko-kurikulum supaya anak-anak mereka nanti tidak menjadi masalah kepada masyarakat, katanya.

Beliau berkata, mana-mana guru atau penuntut yang didapati terbabit dalam aktiviti anti-kerajaan akan dirujuk kepada Jabatan Pendidikan.

-- BERNAMA

CJ AAM PR